

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2015

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) jumlah aliran keluar dan masuk wang dari pasaran saham, bond, sukuk dan lain-lain pasaran kewangan kita bagi tempoh 2014 dan 9 bulan pertama tahun ini berbanding Indonesia, Singapura dan Thailand bagi tempoh yang sama; dan
- (b) impaknya ke atas ekonomi kita dan usaha-usaha untuk menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, dalam tempoh separuh pertama 2015, negara telah mencatat aliran keluar wang bersih dalam akaun kewangan sebanyak RM27.4 bilion. Jumlah ini adalah kurang berbanding aliran keluar wang sebanyak RM32.4 bilion yang dicatatkan dalam tempoh separuh kedua 2014. Daripada jumlah ini, pelaburan portfolio yang merupakan urus niaga antarabangsa dalam sekuriti ekuiti (seperti saham) dan sekuriti hutang (seperti bon, sukuk) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM19.6 bilion atau USD5.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama 2015. Angka ini adalah lebih rendah berbanding RM31.5 bilion yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu. Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing kekal positif dan mereka terus mempelbagaikan aset kewangan dalam negeri untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi.

2. Sebagai perbandingan aliran keluar bersih negara sebanyak USD5.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama 2015 ini jauh lebih rendah berbanding aliran keluar bersih pelaburan portfolio di negara Singapura (USD21.9 bilion) tetapi selari dengan Thailand sebanyak USD5.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sungguhpun, terdapat aliran keluar dalam pelaburan portfolio, namun begitu negara terus mencatat aliran masuk pelaburan asing terutamanya berikutan asas makroekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, tabungan negara yang tinggi, rizab antarabangsa yang mencukupi dan hutang Kerajaan yang terkawal. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran kompetitif serta mesra perniagaan yang seterusnya akan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur. Salah satu inisiatif Kerajaan termasuklah menggesa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi mengkaji semula pelan pelaburan dan pembelian aset di luar negeri agar melabur semula pendapatan dalam negara. Di samping itu, dalam usaha melindungi pelabur daripada kesan turun naik (*volatility*) mata wang ringgit, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus memantau secara terperinci jumlah dan jenis aliran keluar sama ada oleh pemastautin dan juga bukan pemastautin.

SOALAN (32)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah serius yang diambil oleh pihak Kementerian mengenai projek loji rawatan bernilai RM24 juta yang masih tidak berfungsi seperti yang diperlukan dan apakah tindakan kepada kontraktor yang gagal menyiapkan projek tersebut dengan sempurna sehingga menjaskan kehidupan penduduk setempat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Sibuti, Miri, Sarawak telah diberi Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 4 November 2014 dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) selama 12 bulan. Sepanjang tempoh DLP tersebut, pihak kontraktor iaitu Masama Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab membaiki segala kecacatan yang telah dikenal pasti sebelum Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan. Pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui perunding O.B.E Consulting Sdn. Bhd. membuat pemantauan secara berkala terhadap kemajuan kerja pembaikan kecacatan oleh pihak kontraktor. Dalam hal ini, Kementerian telah mengeluarkan sebanyak dua kali surat amaran kepada pihak kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja pembaikan tersebut dalam tempoh yang diberikan. Pihak Kementerian akan melantik pihak ketiga sekiranya didapati pihak kontraktor gagal menyiapkan kerja-kerja pembaikan dalam tempoh tersebut .

Projek tersebut merupakan projek menaik taraf tapak pelupusan sedia ada yang dilaksanakan untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak khususnya Majlis Bandaraya Miri menguruskan tapak pelupusan dengan kaedah yang betul dan tidak mencemarkan alam sekitar. Sehubungan itu, pihak Majlis Bandaraya Miri selaku pemilik tapak hendaklah mengoperasi tapak pelupusan tersebut mengikut kaedah yang dinyatakan dalam *Standard Operation Procedure* (SOP) bagi memastikan objektif pelaksanaan projek dapat dicapai dan memberi manfaat kepada penduduk di sekitar kawasan tapak tersebut. Sekiranya fasiliti yang disediakan tidak dioperasi dengan segera, kecacatan pada fasiliti tidak akan dapat dikenal pasti. Sebarang kecacatan pada fasiliti yang dikenal pasti selepas tempoh tanggungan kecacatan perlu ditangani sendiri oleh pemilik tapak.